


POLISI PEMBEKALAN UBAT SUNTIKAN UNTUK PESAKIT PALIATIF DI FASA TERMINAL HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ UKM

EDISI PERTAMA | 2025





POLISI PEMBEKALAN UBAT SUNTIKAN UNTUK PESAKIT PALIATIF DI FASA TERMINAL

HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ

POLISI PEMBEKALAN UBAT SUNTIKAN UNTUK PESAKIT PALIATIF DI FASA TERMINAL

Tujuan

Polisi ini bertujuan untuk memastikan pesakit paliatif di fasa terminal menerima ubat-ubatan yang diperlukan bagi mengawal simptom dengan selamat, teratur, dan mematuhi perundangan yang berkuat kuasa (Akta Dadah Berbahaya 1952).

Skop

Polisi ini terpakai untuk pesakit di bawah Unit Paliatif, Jabatan Perubatan HCTM UKM yang berada di fasa terminal.

Prinsip Umum

- 1) Ubat dibenarkan dibawa pulang ke rumah setelah penilaian klinikal oleh Pakar Paliatif HCTM
- 2) Ubat akan dibekalkan kepada jururawat Unit Paliatif untuk disediakan dalam bentuk yang mudah dan selamat diberikan kepada pesakit. Ubat injeksi dalam bentuk ampul/ vial tidak dibenarkan untuk didispens kepada pesakit
- 3) Jenis dan dos ubat berdasarkan keperluan simptom pesakit
- 4) Tempoh bekalan ubat suntikan adalah untuk 3 hari sehingga maksimum 7 hari sahaja dan hanya dibekalkan pada waktu operasi hari bekerja sahaja.
- 5) Preskripsi baru diperlukan untuk ubat ulangan selepas penilaian semula oleh Pakar Paliatif atau pihak Hospis Malaysia atau doktor Paliatif swasta
- 6) Ubat tidak akan dibekalkan sekiranya pesakit atau ahli keluarga pesakit merupakan pengguna dadah secara suntikan (*intravenous drugs user, IVDU*)
- 7) Semua ubat dikendalikan mengikut garis panduan keselamatan ubat berjadual (Akta Dadah Berbahaya 1952)

Senarai Ubat Paliatif (*Anticipatory Medications*)

- 1) SC Morphine – kesakitan atau sesak nafas
- 2) SC Fentanyl – kesakitan atau sesak nafas
- 3) SC Midazolam – keresahan
- 4) SC Buscopan – rembesan berlebihan atau kolik usus
- 5) SC Haloperidol – halusinasi, keresahan atau loya & muntah

Tanggungjawab

1) Pasukan Paliatif

- a) Menentukan kesesuaian pesakit untuk dibekalkan ubat
- b) Menyediakan 2 (DUA) salinan Surat Kebenaran Membawa Pulang Ubat Injeksi untuk Pesakit Paliatif Terminal (untuk pesakit dan Jabatan Farmasi)

- c) Mengisi pesanan ubat dalam Sistem Farmasi C-HEtS melalui modul EMR-ST
- d) Menyediakan ubat dalam bentuk yang mudah diberikan serta kelengkapan berkaitan
- e) Memastikan *subcutaneous port* telah dipasang pada pesakit bagi tujuan administrasi ubat
- f) Memberi kaunseling kepada penjaga tentang perihal ubat
- g) Menyerahkan Borang Kebenaran Membawa Pulang Ubat Injeksi untuk Pesakit Paliatif Terminal dan Senarai Semak yang telah dilengkapkan kepada Jabatan Farmasi bagi tujuan perekodan.

2) Jabatan Farmasi

- a) Memproses dan menyemak preskripsi
- b) Membekalkan ubat kepada jururawat Unit Paliatif mengikut tempoh yang dibenarkan (maksimum 7 hari)
- c) Merekodkan pengeluaran ubat DDA mengikut undang-undang
- d) Menerima semula ubat yang tidak digunakan bersama borang berkaitan untuk tujuan pelupusan

3) Waris/ wakil pesakit

- a) Mengurus dan memberi ubat mengikut arahan
- b) Menyimpan ubat dengan selamat
- c) Menyimpan picagari kosong yang telah digunakan untuk dipulangkan
- d) Memulangkan baki ubat yang tidak digunakan kepada Pegawai Farmasi di Farmasi Pesakit Luar Utama bagi tujuan perekodan dan pelupusan


Pelaksanaan

- 1) Semua pengendalian ubat mestilah mematuhi Akta Dadah Berbahaya 1952
- 2) Surat Kebenaran Membawa Pulang Ubat Injeksi untuk Pesakit Paliatif Terminal wajib dilampirkan bersama bekalan ubat
- 3) Pesakit dan penjaga perlu diberi penerangan lengkap sebelum pembekalan ubat

Semakan Polisi

Polisi ini hendaklah disemak setiap 2 tahun atau apabila terdapat perubahan garis panduan/undang-undang berkaitan.

Prosedur Bagi Pembekalan Ubat Paliatif Terminal



pesakit perlu menyimpan picagari kosong yang telah digunakan dan perlu memulangkan semula kepada pegawai farmasi di Farmasi Pesakit Luar Utama bersama-sama ubat yang berlebihan (sekiranya ada)

Senarai Ubat Injeksi Bagi Pesakit Paliatif Terminal

Ubat	Kegunaan	Dos & Kekerapan*
Morphine Inj.	- Sakit - Susah nafas	Subcutaneous : 2.5 - 5mg setiap 1 jam bila perlu Onset : 15 minit
Fentanyl Inj.	- Sakit - Susah nafas	Subcutaneous : 0.05 – 0.1mg setiap 1 jam bila perlu Onset : 15 minit
Midazolam Inj.	Gelisah	Subcutaneous : 2.5 – 5mg setiap 1 jam bila perlu Onset : 5 - 10 minit
Haloperidol Inj.	- Loya atau muntah - Halusinasi - Gelisah	Subcutaneous : 0.5 – 2 mg setiap 6 -8 jam bila perlu Onset : 10 - 15 minit
Hyoscine Butylbromide Inj.	Lendir penafasan atau <i>noisy breathing</i>	Subcutaneous : 20mg setiap 4 hingga 6 jam bila perlu (Dos maksimum: 100mg sehari) Onset : 10 minit

*Mengikut saranan Pakar Perubatan Paliatif

Tatacara Pengurusan Ubat Injeksi Bagi Pesakit Paliatif Terminal

1. Cara pengambilan

- a. Diberikan mengikut arahan Pakar Perubatan Paliatif yang merawat
- b. Diberikan melalui suntikan subcutaneous menggunakan *subcutaneous port* yang telah dipasang

2. Cara penyimpanan

- a. Simpan ubat dalam bekas tertutup pada suhu bilik
- b. Simpan ubat jauh dari capaian kanak-kanak
- c. Simpan picagari terpakai dalam bekas berasingan untuk mengelakkan kekeliruan

3. Cara pelupusan

- a. Picagari yang telah digunakan dan ubatan yang tidak digunakan mesti dipulangkan kembali kepada Pegawai Farmasi di Pesakit Luar Utama
- b. Pegawai Farmasi akan mengira picagari apabila ia dikembalikan

4. Cara pengambilan ubat susulan

- a. Ubat susulan hanya akan dibekalkan setelah dinilai semula oleh pakar paliatif atau pihak Hospis Malaysia atau doktor paliatif swasta
- b. Penambahan ubat hanya boleh diambil oleh wakil/waris yang telah diberi kuasa pada waktu pejabat

Lampiran 1



JABATAN FARMASI / DEPARTMENT OF PHARMACY
SENARAI SEMAK PEMBEKALAN UBAT PESAKIT PALIATIF TERMINAL

Nama pesakit:

MRN pesakit:

No	Kategori	Tandakan √	Tandatangan dan cop rasmi
Pakar Perubatan Paliatif			
1	2 (DUA) salinan Surat Kebenaran Membawa Pulang Ubat Injeksi untuk Pesakit Paliatif Terminal (untuk pesakit dan Jabatan Farmasi)		
2	Preskrip ubat di Sistem Farmasi		
Jururawat Unit Paliatif			
1	Menyediakan ubat dalam bentuk yang mudah diberikan kepada pesakit berserta label yang lengkap Memastikan pesakit telah dipasang <i>subcutaneous port</i>		
2	Menyemak semula preskripsi dengan nota klinikal - Identiti Pesakit: Nama, No. Kad Pengenalan/ID, No. Pendaftaran Pesakit (MRN) - Ubat: Nama ubat, dos & kekerapan		
3	Memberi penerangan tentang tatacara pengurusan ubat termasuk cara pemberian, penyimpanan dan pemulangan ubat		
Pegawai Farmasi			
1	Semak preskripsi dan dispens ubat mengikut preskripsi - Identiti Pesakit: Nama, No. Kad Pengenalan & MRN pesakit - Ubat: Nama ubat, dos, kekerapan, kuantiti & tarikh luput		
Pesakit			
1	Waris/wakil pesakit yang bertanggungjawab untuk pengambilan ubat: - Nama: _____ - No. KP: _____		
2	Membawa pulang - Borang Kebenaran Membawa Pulang Ubat Injeksi untuk Pesakit Paliatif Terminal - Ubat yang telah disediakan dalam bentuk yang mudah diberikan kepada pesakit - Diari Pemberian Ubat [Lampiran 2]		

Lampiran 2



JABATAN FARMASI / DEPARTMENT OF PHARMACY
DIARI UBAT / MEDICATION DIARY

Medication Ubat	Date Tarikh	Time Masa	Administered By Diberi Oleh
Medication Name: Nama Ubat: Route/ Dose: Kaedah/ Dos: Interval: Kekerapan:			

Medication Ubat	Date Tarikh	Time Masa	Administered By Diberi Oleh
Medication Name: Nama Ubat: Route/ Dose: Kaedah/ Dos: Interval: Kekerapan:			

Medication Ubat	Date Tarikh	Time Masa	Administered By Diberi Oleh
Medication Name: Nama Ubat: Route/ Dose: Kaedah/ Dos: Interval: Kekerapan:			

Nota: Simpan picagari kosong untuk dipulangkan

Lampiran 3



JABATAN FARMASI / DEPARTMENT OF PHARMACY
REKOD PEMBERIAN & PEMULANGAN UBAT / RECORD OF DISPENSING & RETURN OF MEDICATION

	Pembekalan Ubat	Pemulangan Ubat
Patient's Detail		
Butiran Pesakit		
Name of Patient Nama Pesakit		
MRN		
Name of patient's representative		
Nama waris/wakil Pesakit		
Name Nama		
NRIC		
Relationship to patient Hubungan dengan pesakit		
Signature/Date Tandatangan/ Tarikh		
Staff Details		
Butiran Kakitangan		
Name Nama		
NRIC		
Position Jawatan		
Signature/Date Tandatangan/ Tarikh		
Details of Medication Dispens/ Returned Butiran Ubat yang dibekalkan/ dipulangkan		



**JABATAN FARMASI / DEPARTMENT OF PHARMACY
COUNSELLING / KAUNSELING**

Nama pesakit						
MRN						
Nombor telefon						
Tarikh						
Nama Ubat	Indikasi	Dos dan kekerapan	Jumlah picagari dibekalkan	Pengambilan	Penyimpanan	Pelupusan
Morphine Sulphate 10mg/mL Inj (1mL)	Sakit atau sesak nafas			• Diberikan bila perlu sahaja • Diberikan secara <i>subcutaneous</i> melalui <i>subcutaneous port</i> yang telah dipasang	• Simpan dalam bekas tertutup dalam suhu bilik • Ubat yang dibekalkan bertahun selama seminggu • Simpan jauh dari capaian kanak-kanak	• Simpan picagari terpakai dalam bekas berasingan • Ubatan yang tidak digunakan mestilah dipulangkan kembali kepada pihak hospital
Fentanyl Citrate 0.1mg/2mL Inj	Sakit atau sesak nafas					
Midazolam 5mg/mL Inj (1mL)	Kegelisahan					
Haloperidol 5mg/mL Inj.	Loya, muntah, kegelisahan atau halusinasi					
Hyoscine (Scopolamine) Butylbromide 20mg/mL Inj	Rembesan berlebihan atau kolik usus					
Nama waris/wakil pesakit						
Nama kakitangan						

RUJUKAN

Terminal Discharge Guideline, *First Edition* 2023
Unit Rawatan Paliatif, Hospital Kuala Lumpur

Disediakan oleh :

Puan Nur Hafiza Saripin, Dr. Sarah Anne Robert, Puan Kong Shue Hong, Cik. Lye Poy Kei,
En. Muhammad Nordin M. Saud dan Puan. Nurliyana Saharudin

Disemak bersama :

Pakar Perubatan Paliatif (Dr. Nor Azizan Zakaria , Dr. Zainal Abdullah bin Zainal Adlishah), Jururawat Unit
Paliatif dan Puan Michelle Tan Hwee Pheng

Tarikh kemaskini : 29 September 2025 (Edisi Pertama)